

**SIRI PANDUAN
KOLEKSI AUDIOVISUAL**

**PANDUAN
PEMBANGUNAN KOLEKSI
AUDIOVISUAL**

**SEKSYEN ARKIB PANDANG DENGAR
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

2010

KANDUNGAN

BIL. PERKARA	MUKA SURAT
1. PENGENALAN	1
2. KOMPONEN UTAMA	1
2.1 PEROLEHAN BAHAN	1
2.2 PEMILIHAN BAHAN	4
2.3 PENILAIAN BAHAN	4
2.4 PEMILIHAN DAN PENILAIAN SEMULA BAHAN	6
3. HAK CIPTA TERPELIHARA	7
4. PENUTUP	7
LAMPIRAN	8

1. PENGENALAN

- 1.1 Pengurusan Arkib Audiovisual terdiri daripada 4 teras iaitu:
 - Pembangunan koleksi
 - Pengurusan koleksi
 - Pemeliharaan koleksi
 - Pengaksesan koleksi
- 1.2 Panduan ini disediakan khusus bagi menjelaskan komponen utama dalam teras pembangunan koleksi. Komponen-komponen ini ialah:
 - Pemilihan
 - Penilaian
 - Perolehan
 - Pemilihan dan Penilaian Semula

2. KOMPONEN UTAMA

2.1 PEROLEHAN BAHAN

Perolehan dilaksanakan melalui kaedah berikut:

- (i) Penguatkuasaan Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]
 - Bahagian II, Seksyen 7 (c) - Fungsi Ketua Pengarah, "memperoleh rekod dan bahan yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah atau mungkin mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya."

- Bahagian IV, Seksyen 31 - Pemerolehan bukan rekod awam, "Ketua Pengarah boleh memperoleh apa-apa rekod yang bukan rekod awam yang pada pendapatnya adalah atau mungkin mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya."

(ii) Hadiah / Derma / Sumbangan

Terdapat dua cara perolehan bahan audiovisual melalui hadiah / derma / sumbangan, iaitu:

- bahan diserahkan secara sukarela oleh individu / organisasi untuk disimpan di Arkib Negara.
- Arkib Negara menghubungi individu / organisasi agar menyerahkan bahan untuk disimpan dan dipelihara.

(iii) Pembelian

Perolehan secara pembelian bahan audiovisual tertakluk kepada Prosedur Pembelian Bahan Arkib Negara.

(iv) Pinjaman

Kaedah perolehan ini digunakan sekiranya bahan audiovisual yang bernilai sejarah dan mempunyai nilai sentimental kepada pemilik / waris tetapi enggan menyerahkannya kepada Arkib Negara. Bahan tersebut akan dipinjam untuk dibuat penyalinan dan dikembalikan semula kepada pemilik / waris asal. Proses peminjaman ini dilakukan dengan menetapkan syarat-syarat tertentu yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

(v) Bahan yang dihasilkan oleh Arkib Negara

Arkib Negara menghasilkan sendiri bahan audiovisual melalui rakaman program / aktiviti jabatan atau penyediaan dokumentari, klip video, filem, gambar dan sebagainya.

Kriteria pemilihan bahan yang disimpan dan dipelihara oleh Arkib Negara adalah berdasarkan seperti berikut:

- (i) Bahan yang dihasilkan mengenai Malaysia sama ada dilakukan di dalam atau di luar negara;
- (ii) Bahan yang dihasilkan oleh mana-mana warganegara Malaysia sama ada mengenai Malaysia atau tidak;
- (iii) Bahan mengenai Malaysia yang dihasilkan oleh bukan warganegara Malaysia;
- (iv) Bahan yang dihasilkan oleh mana-mana agensi perkhidmatan awam, perusahaan kerajaan dan pihak berkuasa berkanun Malaysia;
- (v) Bahan mengenai Malaysia yang dihasilkan oleh mana-mana organisasi / agensi / syarikat bukan kerajaan;
- (vi) Kepentingan dan kegunaan berterusan bahan audiovisual tersebut kepada pelaksanaan proses membuat keputusan agensi / jabatan; dan
- (vii) Kepentingan maklumat dan isi kandungan bahan audiovisual tersebut semasa ia diwujudkan, kini dan masa hadapan.

2.2 PEMILIHAN BAHAN

2.2.1 Pemilihan bahan audiovisual dijalankan untuk memastikan bahan-bahan yang diperolehi adalah bernilai dan berkeadaan baik. Terdapat dua peringkat pemilihan iaitu:

- Pemilihan Secara Kasar (*Coarse Mesh Selection*)

Pemilihan dan penilaian koleksi dibuat secara umum berdasarkan keadaan fizikal, senarai bahan, tajuk bahan, deskripsi atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan koleksi tersebut.

- Pemilihan Secara Halus (*Fine Mesh Selection*)

Pemilihan dan penilaian koleksi dibuat secara lebih terperinci berdasarkan keadaan fizikal, kandungan bahan, tajuk bahan, deskripsi, penerbit, sumber, jangkamasa tayangan (*duration*), *footage*, format, tarikh penerbitan, media dan sebagainya.

2.2.2 Pemilihan dan penilaian koleksi hendaklah selaras dengan ‘Dasar Koleksi Audiovisual’.

2.3 PENILAIAN BAHAN

2.3.1 Bahan audiovisual yang telah dipilih seterusnya dibuat penilaian bagi menentukan sama ada bahan tersebut boleh dibuat penerimaan atau dimusnahkan. Penilaian dibuat berdasarkan nilai-nilai berikut:

- Nilai kebangsaan

Kandungan maklumat yang penting bagi memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara, hal kedaulatan, kemerdekaan, pembangunan negara, ketokohan, perpaduan kaum, integrasi nasional dan sebagainya.

- Nilai sejarah

Kandungan maklumat yang merakamkan tempat, bangunan dan tokoh-tokoh serta peristiwa bersejarah berkaitan politik, ekonomi dan sosio-budaya negara.

- Nilai penyelidikan

Kandungan maklumat seperti data ekonomi, sosiobudaya, pendidikan, pentadbiran, sains, teknologi, politik dan sebagainya yang digunakan untuk rujukan dan penyelidikan.

- Nilai sosiologikal

Bahan audiovisual terutamanya imej bergerak mendokumenkan nilai dan budaya sesuatu komuniti atau bangsa. Imej bergerak ini menggambarkan keadaan, peristiwa secara realistik (dokumentari filem) atau 'surealistic' (drama, filem cereka, lakonan dan sebagainya). Bahan audiovisual ini juga dapat melengkapkan jurang maklumat dalam rekod awam dan koleksi lain

- Nilai estetika

Kandungan yang merakamkan keindahan seni dan daya kreativiti bagi penghasilan sesuatu karya.

- Nilai pembelajaran

Kandungan maklumat dijadikan sebagai bahan pembelajaran dalam bidang seni fotografi, sinematografi, rakaman bunyi, adunan muzik, pengarahan filem dan sebagainya bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam penghasilan karya.

2.4 PEMILIHAN DAN PENILAIAN SEMULA BAHAN

2.4.1 Pemilihan dan penilaian semula perlu dilakukan secara berkala dan berterusan ke atas bahan audiovisual yang terdapat dalam simpanan bagi memastikan keadaan fizikal baik dan dapat diakses. Pemilihan dan penilaian semula ini dilakukan berdasarkan aspek berikut:

- bahan audiovisual termasuk *carrier* mudah rosak;
- perubahan teknologi dan peralatan;
- keperluan penyalinan dan pendigitalan;
- salinan pendua kepada koleksi sedia ada; dan
- kemerosotan kualiti kandungan bahan.

2.4.2 Sekiranya bahan yang telah dinilai semula rosak dan tidak boleh dibaik pulih, bahan tersebut hendaklah diasingkan dan dimusnahkan mengikut insert dan semak peraturan yang sedia ada.

3. HAK CIPTA TERPELIHARA

- 3.1 Bahan audiovisual merupakan harta intelek, ia mempunyai nilai kewangan yang tinggi iaitu dari segi nilai royalti. Oleh kerana itu dalam membangunkan koleksi audiovisual di Arkib Negara, perkara yang perlu diberi perhatian adalah berkaitan dengan isu perundangan. Setiap pegawai dan kakitangan yang menguruskan koleksi audiovisual ini perlu memahami aspek-aspek perundangan ini.
- 3.2 Hak Cipta Terpelihara adalah satu set hak eksklusif yang mengawal penggunaan sesuatu penyataan idea atau maklumat. Hak ini diberi dalam tempoh yang terhad. Hak Cipta Terpelihara boleh wujud dalam berbagai-bagai karya kreatif, intelektual dan seni.
- 3.3 Penerangan Akta Hak Cipta Terpelihara seperti di Lampiran 2 atau laman sesawang: <http://www.myipo.gov.my/bm.html>

4. PENUTUP

Panduan ini diharap dapat membantu memberi kefahaman kepada pegawai dan kakitangan yang membangunkan koleksi audiovisual di Arkib Negara.

LAMPIRAN-LAMPIRAN

[Subperaturan 7(3)]

Borang 8

Arkib 8/08**BORANG PERMOHONAN BAGI PELUPUSAN****REKOD PANDANG DENGAR**

(YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM JADUAL PELUPUSAN REKOD)

BUTIR-BUTIR JABATAN						Untuk Kegunaan Arkib Negara Tarikh Terima: Jumlah Rekod: No. Penerimaan:		
(1) Kementerian/Jabatan/Agensi:			(2) Bahagian/Cawangan/Unit:					
(3) Pewujud Rekod (Jika tidak sama dengan (1)):								
MAKLUMAT MENGENAI REKOD								
(4) Peringkat Keselamatan:								
Bil.	No. Rujukan (6)	Tajuk Bahan (7)	Perihal (8)	Tarikh (9)	Format (10)	Unit Rekod (11)	Cadangan Pelupusan (12)	Catatan (13)
						Jumlah Unit:		
(15) Mengikut Seksyen 25 dan 26, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], saya mengemukakan permohonan ini bagi pelupusan rekod di atas:								
Nama Pegawai:			Tandatangan dan Meterai/Cap Jabatan:					
Jawatan:			Tarikh:					

[Peraturan 8(2)]

Borang 11

Arkib 11/08**BORANG PERMOHONAN BAGI PEMINDAHAN REKOD AWAM**

BUTIR-BUTIR JABATAN		Untuk Kegunaan Arkib Negara Tarikh Terima: No. Penerimaan:			
(1) Kementerian/Jabatan/Agensi:	(2) Bahagian/Cawangan/Unit:				
MAKLUMAT MENGENAI REKOD					
(3) No. Penerimaan:	(4) Nama dan No. Jadual Pelupusan Rekod:				
(5) Tahun Diliputi:	(6) Ukuran Rekod: (meter panjang/unit/lembar)				
(7) Peringkat Keselamatan:	(8) Jenis dan Format Rekod:				
Bil. (9)	No. Fail/Rujukan/Siri (10)	Tajuk/Perkara (11)	Tarikh (12)		Bil.Lampiran/ Lembar/Unit (13)
			Daripada	Kepada	
<p>(14) Mengikut seksyen 28 (1) dan (2), Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], saya mengemukakan permohonan ini bagi pemindahan rekod di atas:</p> <p>Nama Pegawai: _____ Tandatangan dan Meterai/Cap Rasmi Jabatan: _____</p> <p>Jawatan : _____ Tarikh: _____</p>					

Lampiran 2**AKTA HAK CIPTA 1987**

Akta Hak Cipta 1987 telah diluluskan pada 30 April 1987. Akta ini telah memansuhkan Akta Hak Cipta 1969. Akta ini kemudiannya telah dipinda pada tahun 1997 sebagai Akta Hakcipta (Pindaan) 1997. Antara sebab utama pindaan ini ialah berikutan masalah pemindahan karya hak cipta melalui internet.

Jenis-jenis karya yang dilindungi oleh Akta ini ialah:

- Karya sastera
- Karya muzik
- Karya seni
- Filem
- Rakaman bunyi
- Siaran

Secara umum, hak cipta terpelihara terbahagi kepada dua, iaitu:

- karya sastera, muzik atau seni selain daripada fotograf wujud sepanjang hayat si pencipta dan wujud sehingga 50 tahun selepas kematianya.
- karya-karya jenis lain, jangka masa hak cipta ialah sehingga 50 tahun selepas karya itu mula-mula diterbitkan.

Dalam membangun dan memperolehi bahan audiovisual dari sumber awam, swasta atau orang perseorangan, Arkib Negara perlu mematuhi Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997, iaitu:

- Bahagian III: Kuasa dan Jangkamasa Hakcipta

13. Kuasa hakcipta mengenai karya sastera, muzik atau seni, filem dan rakaman bunyi.

- (1) Hakcipta mengenai karya sastera, muzik atau seni, filem, rakaman bunyi atau karya terbitan adalah hak eksklusif bagi mengawal dalam Malaysia
- (a) pengeluaran semula dalam apa-apa bentuk bahan;
 - (aa) penyampaian kepada orang awam;
 - (b) pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam;
 - (c) (Dipotong);*
 - (d) (Dipotong);*
 - (e) pengedaran salinan-salinan kepada orang awam melalui penjualan atau pemindahan pemunyaan secara lain; dan
 - (f) penyewaan secara komersial kepada orang awam,

keseluruhan atau sebahagian besar karya itu, sama ada dalam bentuk asal atau bentuk terbitan dengan syarat bahawa, tanpa menjelaskan perenggan (e), hak eksklusif untuk mengawal pengedaran salinan-salinan hanya merujuk kepada perbuatan mengedarkan salinan-salinan yang tidak diedarkan di Malaysia sebelum ini dan tidak kepada mana-mana pengedaran kemudiannya salinan-salinan itu atau apa-apa pengimportan kemudiannya salinan-salinan itu ke dalam Malaysia.

Penggunaan dan penyalinan bahan audiovisual tanpa kebenaran dan tidak mematuhi Akta ini akan mengakibatkan penalti dikenakan.

Oleh kerana itu sewaktu penerimaan dan penyerahan bahan dilakukan, Arkib Negara perlu menerangkan dengan jelas pematuhan terhadap Akta ini kepada pemilik / penyumbang / penderma melalui penjanjian / persetujuan bersama.

* Mas. Akta A994

Berdasarkan kepada Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997, penyalinan, rakaman semula dan penggunaan sebahagian atau keseluruhan bahan audiovisual boleh dibenarkan atas tujuan berikut:

- Penyalinan, rakaman semula dan penggunaan bahan atas tujuan penyelidikan yang bukan mencari keuntungan, pengajian persendirian, kritikan atau pelaporan peristiwa semasa penggunaan bahan ini. Ia hendaklah disertai dengan suatu perakuan tajuk karya dan penciptaannya, kecuali jika karya itu dimasukkan secara sampingan dalam sesuatu siaran;
- Kemasukan dalam sesuatu filem atau siaran apa-apa karya seni yang terletak di sesuatu tempat di mana karya itu boleh dilihat oleh orang awam;
- Pengeluaran semula dan pengedaran salinan apa-apa karya seni yang terletak dengan kekal di sesuatu tempat di mana karya itu boleh dilihat oleh orang awam;
- Kemasukan secara sampingan sesuatu karya seni dalam sesuatu filem atau siaran;
- Kemasukan sesuatu karya dalam sesuatu siaran, penyampaian kepada awam; koleksi karya sastera atau muzik, rakaman bunyi atau filem, jika kemasukan sedemikian dibuat secara illustrasi bagi maksud mengajar, dengan syarat bahawa sumbernya dan nama pencipta yang terdapat pada karya yang digunakan itu disebut;
- Rakaman yang dibuat di sekolah, universiti atau institusi pelajaran mengenai sesuatu karya yang dimasukkan dalam sesuatu siaran untuk digunakan bagi sekolah, universiti atau institusi pengajian; dan
- Pembacaan atau pengucapan oleh seseorang kepada orang awam atau dalam sesuatu siaran akan apa-apa cabutan yang munasabah dari karya sastera yang sudah diterbitkan jika disertai dengan perakuan yang mencukupi.